



KETUA PENGARAH
Director General

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire and Rescue Department Malaysia
Lebuhr Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA



 <https://www.bomba.gov.my>
 kp@bomba.gov.my

Ruj Tuan :

Ruj Kami : JBPM.IP.BKK:700-7/3/3 Jld.17(20)

Tarikh : 25 OKTOBER 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato'/ Tuan,

PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN SISTEM PENGAWASAN KEBAKARAN AUTOMATIK (SPKA) SELEPAS 24 OKTOBER 2024 (TEMPOH INTERIM).

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana YS Dato'/Tuan sedia maklum, Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik ("SPKA") merupakan sistem yang dihubungkan ke *Main Fire Alarm Panel* di premis dengan pusat kawalan SPKA dan seterusnya ke Pusat Gerakan Operasi ("PGO") atau Balai Bomba dan Penyelamat ("BBP") yang ditetapkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ("JBPM"). Pemasangan SPKA di bangunan adalah merupakan salah satu keperluan yang termaktub di dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 ("UBBL 1984"), Sarawak Building Ordinan 1994 ("SBO") dan juga Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341 ("Akta 341").

3. Untuk makluman YS Dato'/Tuan, Perjanjian Kerajaan bersama Syarikat Iscada Net Sdn Bhd sebagai penyedia perkhidmatan SPKA akan tamat pada **24 Oktober 2024**. Sehingga kini, lantikan penyedia perkhidmatan SPKA yang baru masih dalam peringkat pertimbangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ("KPKT").

4. Bagi tujuan ini, beberapa pelan tindakan perlu dilakukan dalam memastikan pengeluaran Sijil Perakuan Bomba ("FC") bagi Premis Ditetapkan dan sokongan *Certificate Completion and Compliance* ("CCC"), *Certificate of Fitness for Occupation* ("CFO") atau *Occupation Permit* ("OP") bagi bangunan baru dapat dilaksanakan sepenuhnya sepanjang tempoh interim adalah seperti berikut:

-2-

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & ISO 37001:2016

(a) Pengeluaran Perakuan Bomba bagi Premis Ditetapkan

- i. Permohonan pengeluaran FC bagi premis ditetapkan boleh diluluskan mengikut seksyen 29 (4) Akta 341, “..Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu perakuan bomba dengan premis ditetapkan itu tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan atau yang ditetapkan”.
- ii. Oleh itu, Ketua Pengarah boleh mengenakan syarat supaya menangguhkan syarat pemasangan SPKA dan menghendakkan pemunya premis membuat akujanji secara bertulis melalui *undertaking letter* iaitu akan memasang SPKA setelah penyedia perkhidmatan baharu dilantik. Pengarah Bomba Negeri yang telah diwakilkan kuasa boleh menggunakan peruntukan sama dan mengeluarkan FC.

(b) Sokongan *Certificate Completion and Compliance*, *Certificate of Fitness for Occupation* atau *Occupation Permit* bagi bangunan baharu

- i. Bagi bangunan baharu untuk mendapatkan CCC, CFO atau OP syarat ini boleh dikecualikan dengan syarat bangunan tersebut selamat dan mempunyai pemasangan keselamatan kebakaran yang mencukupi. Tambahan pula bangunan tersebut adalah merupakan premis ditetapkan dan perlu mendapatkan FC dalam tempoh setahun setelah CCC, CFO atau OP diperolehi. Bagi bangunan diluar kategori FC, pihak premis hendaklah membuat akujanji secara bertulis melalui *undertaking letter* iaitu akan memasang SPKA setelah penyedia perkhidmatan baharu dilantik (Direkod bagi penguatkuasaan melalui Penghapusan Bahaya Kebakaran).
- ii. Jika terdapat kebakaran dikesan di bangunan tersebut, pengurusan bangunan boleh membuat panggilan secara terus atau melalui talian 999 kepada PGO Negeri atau BBP terdekat.


- iii. Mengikut seksyen 27A Akta 341, pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan keseluruhan ke atas premis ditetapkan hendaklah menubuhkan suatu Organisasi Keselamatan Kebakaran ("OKK") untuk menjaga keselamatan bangunan dan bertindak di peringkat awal sekiranya terdapat kecemasan di premis-premis berkenaan.
 - iv. Memastikan pemeriksaan berkala dalam memastikan pengurusan bangunan mengamalkan *housekeeping* yang baik dan membuat penyelenggaraan sistem pencegahan kebakaran bangunan dengan rapi agar semua pemasangan keselamatan kebakaran berfungsi dalam keadaan baik.
5. Oleh yang demikian, Jabatan berharap dengan adanya pelan tindakan tersebut ianya dapat **melancarkan dan memastikan pengeluaran FC (baharu dan pembaharuan), CCC, CFO atau OP bagi bangunan baharu dapat dilaksanakan sepanjang tempoh interim iaitu sehingga pada tarikh yang akan dimaklumkan kelak.**
6. Sukacita juga YS Dato'/Tuan dapat memaklumkan kepada pemunya premis berkenaan dengan menggunakan format surat **di Lampiran A.**
7. Sebarang pertanyaan dan persoalan berhubung perkara ini YS Dato'/Tuan boleh menghubungi pegawai **PgB Zainuddin bin Mat Daud di talian 012-5314941 atau 03-8892 7077.** Kerjasama dan perhatian pihak YS Dato'/Tuan mengenai perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


 (DATO' TS (NOR HISHAM BIN MOHAMMAD)
 ZMD/SPKA/2025-2033

s.k.

- 1) YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- 2) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JBPM
- 3) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JBPM
- 4) YS Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan & Penyelamat, JBPM
- 5) YS Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran, JBPM

SENARAI EDARAN

- 1) YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Kuala Lumpur
- 2) YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
- 3) YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
- 4) YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
- 5) YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
- 6) YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
- 7) YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
- 8) YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
- 9) YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang

- 10) YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
- 11) YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
- 12) YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
- 13) YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
- 14) YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
- 15) YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Labuan
- 16) YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Putrajaya

Lampiran A

(Pemunya Premis)....

Tuan

**PEMASANGAN SISTEM PENGAWASAN KEBAKARAN
AUTOMATIK ("SPKA") SELEPAS 24 OKTOBER 2024 (TEMPOH
INTERIM)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, Perjanjian Kerajaan bersama Syarikat Iscada Net Sdn Bhd sebagai penyedia perkhidmatan SPKA akan tamat pada **24 Oktober 2024**. Sehingga kini, lantikan penyedia perkhidmatan SPKA yang baharu masih dalam peringkat pertimbangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
3. Oleh itu, Perakuan Bomba boleh dikeluarkan sekiranya tuan membuat akujanji secara bertulis melalui *undertaking letter* iaitu akan memastikan sistem SPKA terpasang setelah penyedia perkhidmatan baharu dilantik.
4. Kerjasama dan perhatian pihak YS Dato'/Tuan di dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(.....Pengarah Negeri.....)